

Ruj Kami : ST (IP/JKE) KE/19/05/(31) JLD 4  
Tarikh : 24 Mac 2017

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein  
Precinct 2  
62100, Putrajaya  
Malaysia

T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Semua Pengilang & Pengimport  
Kelengkapan Elektrik

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**MEMAKLUMKAN SURUHANJAYA TENAGA BERKAITAN *PRODUCT RECALL*  
YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK INDUSTRI.**

Dengan hormatnya ingin saya merujuk perkara di atas.

- Untuk makluman Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menerima beberapa makluman dari pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) berkaitan penarikan balik produk elektrik dari pasaran negara ini yang dilaksanakan secara *voluntary* oleh pihak industri. Hasil semakan mendapati kelengkapan-kelengkapan tersebut merupakan kelengkapan elektrik domestik yang dikawal oleh ST serta mempunyai Perakuan Kelulusan (CoA) yang dikeluarkan oleh ST.
- Walaupun, ST mendapati penarikan balik kelengkapan-kelengkapan ini tidak dimaklumkan secara rasmi kepada ST oleh pihak industri/pemegang CoA tersebut. Sebagai badan kawalselia yang mengeluarkan CoA dan memantau aktiviti berkaitan keselamatan elektrik di negara ini, adalah perlu bagi ST untuk mendapat maklumat awal berkaitan *product recall* tersebut.
- Sehubungan itu, ST ingin mengingatkan agar selain memaklumkan kepada pihak KPDNKK, pihak pengilang dan pengimport juga perlu memaklumkan kepada ST apa-apa aktiviti *product recall* yang dilaksanakan samada *voluntary product recall* ataupun *mandatory product recall*. Ini akan membolehkan ST untuk mengambil tindakan susulan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.



**MOHD ELMI BIN ANAS**

Pengarah  
Jabatan Kawalselia Keselamatan Elektrik  
Suruhanjaya Tenaga